

Headline	ST jalan siasatan lanjut isu pendawaian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	12
ArticleSize	268 cm ²	Journalist	Zanariah Abd
PR Value	RM 27,609		



ST jalan siasatan lanjut isu pendawaian

» *Pengusaha
diberi notis jika
berlaku
pelanggaran
undang-undang*

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
dan **Suhaila Shahrul Annuar**

bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Tenaga (ST) akan menjalankan siasatan lanjut berhubung isu pendawaian sekolah pondok dan maahad tahfiz di negara ini, yang didakwa tidak teratur, termasuk mengguna batang nibong sebagai tiang kabel penyambung elektrik.

ST dalam satu kenyataan semalam berkata, badan kawal se-

lia itu akan mengenal pasti sekiranya wujud kesalahan mengikut akta dan peraturan sedia ada.

“Sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang, ST akan mengeluarkan notis kepada pengusaha premis supaya membaiki sebarang kecacatan yang ada pada pemasangan elektrik dengan kadar segera.

Potong bekalan

“Sekiranya pemasangan dikenal-

pasti berada dalam keadaan yang amat bahaya, ST boleh mengambil tindakan memotong bekalan.

“Selaras dengan fungsi dan tugas sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara mengikut Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, menjadi tanggungjawab ST memastikan keselamatan dalam pembekalan dan penggunaan elektrik di negara ini termasuk pemasangan di bangunan,” kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut, ST akan mengambil tindakan undang-undang sekiranya mendapati berlaku pelanggaran undang-undang oleh mana-mana pihak.

“Di samping penguatkuasaan, ST juga mengadakan kempen dan seminar termasuk mengenai kesedaran keselamatan kepada orang awam, persatuan atau pertubuhan, kontraktor elektrik dan pemilik bangunan,” kata kenyataan itu.

taan itu.

Kenyataan itu menyebut, pihak yang melanggar atau tidak mematuhi Peraturan 122, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjarakan sehingga satu tahun atau kedua-duanya.

“Pemotongan bekalan boleh dilakukan jika pemasangan elektrik berada dalam keadaan yang amat merbahaya. Pihak yang menjalankan kerja elektrik tanpa perakuan sah sebagai kontraktor boleh dikenakan tindakan.

“Peraturan 15 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 menetapkan keperluan sesuatu radas, konduktor atau aksesori bagi maksud penyambungan kepada sesuatu pemasangan hendaklah dalam saiz, kuasa dan bilangan yang mencukupi.

“Selain itu ia hendaklah dibina, dipasang, disusun, dilindungi, dikerjakan dan disenggara bagi mencegah bahaya,” kata kenyataan itu.

Headline	ST jalan siasatan lanjut isu pendawaian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	12
ArticleSize	268 cm ²	Journalist	Zanariah Abd
PR Value	RM 27,609		

